

**PM Sebagai Pengarah Pilihan Raya Suntik Semangat Untuk BN Rampas Selangor Bernama
25 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Pemilihan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Pengarah Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) Selangor mampu menyuntik semangat pemimpin parti komponen BN untuk berjuang merampas kembali negeri itu daripada pembangkang.

Penganalisis Politik Datuk Profesor Dr Zainal Kling berkata pelantikan itu juga menunjukkan kesungguhan BN untuk menebuskan kekecewaan pilihan raya umum 2008 apabila pembangkang memenangi 35 daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan.

"Mereka akan 'all-out' pada pilihan raya umum kali ini," katanya semasa dihubungi Bernama di sini, Isnin.

Zainal yang juga Ketua Kluster Sejarah Warisan dan Sosiobudaya Majlis Profesor Negara menambah, pelantikan Najib juga membuatkan rakyat Selangor merasakan mereka mendapat perhatian khusus daripada perdana menteri.

Seorang lagi penganalisis politik Profesor Zainal Abidin Borhan juga berkongsi pandangan sama bahawa pelantikan itu dapat memberi motivasi kepada pemimpin BN Selangor untuk berdepan dengan pembangkang.

Bagaimanapun, Pengarah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya itu memberitahu, pelantikan itu juga menimbulkan persoalan di kalangan rakyat Selangor berhubung siapa yang bakal menjadi Menteri Besar jika BN memenangi pilihan raya di negeri itu.

"Pada kebiasaannya jawatan itu akan dipegang individu yang menerajui jentera pilihan raya dan dalam kes Selangor, Perdana Menteri adalah individu tersebut," katanya.

Pelantikan Najib sebagai Pengarah Pilihan Raya BN Selangor diumumkan pada Ahad lalu, hasil daripada keputusan sebulat suara Jawatankuasa Tertinggi BN Selangor selepas mengadakan mesyuarat pada 9 Feb lalu.

Sementara itu, Presiden Gabungan Anti Penyelewengan Selangor (GAPS), Hamidun Khairudin melihat pelantikan itu akan terus menguatkan sokongan rakyat Selangor selain mengukuhkan kesetiaan anggota BN untuk mengundi BN.

"Perdana menteri adalah tokoh yang disenangi badan bukan kerajaan (NGO) di Selangor kerana di bawah pimpinan beliau, banyak janji dan manifesto pada PRU lalu ditunaikan yang membawa kepada kesenangan dan kesejahteraan rakyat.

"Ini jauh berbeza dengan kerajaan Selangor yang bukan sahaja gagal menunaikan janji pada PRU, tetapi membawa lebih banyak masalah seperti masalah air dan sampah di negeri ini," katanya.

Yang Dipertua Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa) Selangor Abu Bakar Yahya pula menyifatkan pelantikan itu sebagai 'tepat pada waktunya' dan boleh mengelakkan timbul rasa tidak puas hati di kalangan pemimpin parti.

"Apabila perdana menteri dilantik, semua pemimpin komponen BN akan akur dengan arahan yang diberikan kerana mereka yang enggan mendengar arahan ini sebenarnya bukan berjuang untuk parti, tetapi mempunyai kepentingan peribadi.

"Contohnya, dalam satu bahagian akan ada tiga atau empat nama dihantar, tetapi hanya satu yang akan menjadi calon.

"Jika mereka akur dengan arahan Pengarah Pilihan Raya BN Selangor, calon yang tidak terpilih akan bantu memastikan kemenangan calon yang dipilih kerana jika BN menang, semua boleh menumpang senang," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=930223>